

10 NOV 1999

Pendedahan-Paal

SAHABAT ANWAR DI WASHINGTON BERPINDAH KE PEJABAT MEWAH

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 10 Nov (Bernama) -- Douglas H. Paal, ketua Pusat Dasar Asia Pasifik (APPC), di Washington DC, telah berpindah daripada sebuah bangunan yang tidak menonjol di pinggir Washington ke sebuah struktur batu marmar yang menarik di tengah-tengah pusat pemerintahan itu.

Paal yang didakwa menerima AS\$10 juta daripada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak melupakan penderma kepada organisasi beliau.

Beliau hadir di perbincangan 'Asia Society' mengenai Malaysia baru-baru ini dan berdiri untuk mempertahankan bekas pelanggannya, yang beliau selalu sifatkan sebagai "rakan yang baik".

Walaupun APPC kini menduduki bangunan mewah, pertubuhan itu hanya mempunyai seorang kakitangan sahaja iaitu Paal sendiri.

Tiada siapa yang dapat dihubungi untuk mendapatkan ulasan dan semua panggilan ke pejabat Paal diterima oleh mesin pesanan telefon.

Bekas penolong gabenor Bank Negara Datuk Abdul Murad Khalid mendakwa yang beliau diarahkan oleh Anwar untuk menguruskan sumbangan berjumlah AS\$10 juta kepada APPC dan Paal, dan bayaran tambahan setiap tahun bernilai AS\$3 juta bagi menguruskan pusat itu di Washington.

Paal dalam satu kenyataan mempertikaikan jumlah yang didakwa oleh Murad dan berkata jumlah yang beliau terima daripada Anwar dan rakan-rakan adalah kurang daripada AS\$10 juta.

Paal, bekas penganalisa di Agensi Perisikan Pusat (CIA), pernah berkhidmat sebagai penolong khas bagi hal ehwal keselamatan kebangsaan di bawah pentadbiran Bush dan Reagan, dan sebagai pengarah kanan bagi hal ehwal Asia di Majlis Keselamatan Negara.

APPC ditubuhkan oleh Paal pada 1993 sebagai kumpulan bijak pandai dan berperanan dalam menggalakkan hubungan lebih rapat antara pemimpin-pemimpin perniagaan dan politik di Amerika Syarikat dan Asia Pasifik.

Di bawah naungan Anwar, pusat itu menganjurkan empat dialog Pasifik di Malaysia antara 1994 dan 1998 dengan Menteri-menteri kanan dari Asia Pasifik, serta ahli kongress Amerika termasuk bekas senator Sam Nunn dan William Cohen (senator pada masa itu), bertukar idea mengenai isu-isu ekonomi, politik dan keselamatan.

Dave Brown, yang meninggalkan APPC enam bulan lepas berkata beliau tidak pernah menghadiri dialog di Malaysia kerana "tiada tempat bagi pembawa beg" dalam dialog bagi jemputan khas sahaja.

Brown yang kini penyelidik di Sekolah Kajian Antarabangsa Peringkat Tinggi (SAIS) di Universiti John Hopkins berkata, pusat itu menerima sumbangan wang daripada penderma Malaysia dan Amerika.

"Saya tidak tahu urusan kewangan sebenar, tetapi saya tahu yang kita tidak pernah menerima RM10 juta - jika begitu, kita semua sudah kaya sekarang," kata Brown.

James Clad, rakan Paal pada satu ketika berkata dalam perbualan melalui telefon yang beliau tidak tahu sejauh mana dakwaan itu adalah benar kerana beliau hanya menulis artikel-artikel mengenai Thailand, Indonesia, India dan Filipina dalam tempoh singkat beliau berada bersama APPC.

Clad, yang mengajar mengenai Asia Tenggara di Universiti Georgetown meninggalkan APPC pada 1995 dan berkata beliau tidak pernah menghadiri mana-mana dialog Pasifik di Malaysia.

"Saya tidak mempunyai apa-apa untuk disembunyikan tetapi saya memang tidak tahu bagaimana pusat itu dibiayai," kata Clad yang menjadi

penganalisa di pusat itu selama enam bulan.

Murad dalam perisytiharan berkanunnya mendakwa "APPC dan Douglas H. Paal sebagai perantara utama yang digunakan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mempromosi imejnya di negara-negara barat, terutamanya di Washington, United Kingdom dan negara-negara Eropah lain.

Murad mendakwa yang APPC melobi bagi Anwar bersama media antarabangsa.

Paal bersimpati secara terbuka dengan Anwar dan dalam perbicaraan mengenai "Malaysia: Menilai Agenda Mahathir" di Capitol Hill pada 16 Jun, beliau berkata: "Minat saya [dengan Malaysia] diperdalamkan lagi oleh personaliti magnetik bekas Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim, yang dipenjarakan dan kini menjalani perbicaraan lanjut terhadap tuduhan yang penuh sensasi di sebuah bilik mahkamah di Kuala Lumpur."

"Anwar rakan yang baik, dan juga pengaruh baik bagi Malaysia di dunia luar, semasa tempoh jawatannya," kata beliau dalam keterangannya di hadapan Jawatankuasa Kecil Senat mengenai Asia dan Pasifik.

Sementara Paal membidas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kritikan pedas beliau terhadap Barat, beliau memuji Anwar dan berkata, " Satu daripada tarikan Anwar secara semulajadi ialah beliau tidak mengambil pendirian ini. Dengan Mahathir kita boleh meramalkannya."

Paal mengesyorkan kepada jawatankuasa kecil itu supaya Amerika Syarikat mengekalkan "hubungan yang betul tetapi dingin dengan kerajaan Mahathir."

-- BERNAMA

SH SJ PR